

DATE: 9/7/2010



AHMAD IRHAM MOHD NOOR | BERITA HARIAN

TUN Dr Mahathir memotong pulut kuning sempena ulang tahun ke-85 selepas Forum RMK-10 KITA di Kuala Lumpur, semalam.

RMKe-10 bukan bersifat perkauman

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang antara lain memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi Bumiputera bukan bersifat perkauman.

Sebaliknya, katanya, usaha itu perlu dilakukan kerajaan bagi mengimbangi ekonomi Bumiputera yang jauh ketinggalan berbanding kaum lain di negara ini.

"Bukan rasis... tujuannya samakan pendapatan semua rakyat oleh kerana tertinggal

BH-9/07/10
adalah golongan Bumiputera, maka tumpuan diberikan kepada golongan itu.

"Jika diberi sama rata, maka yang berada di belakang (Bumiputera) tidak akan dapat mengejar yang di hadapan," katanya ketika menjadi tetamu Forum RMK-10 KITA bertajuk Kepentingan Bumiputera Dalam RMK-10 di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Pengerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Dr Mahathir berkata, Bumiputera mewakili 60 peratus penduduk negara ini, semanganya wajar capai sasaran 30 peratus ekuiti dalam pembahagian ke ekonomi.

Katanya, usaha untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera juga bagi memastikan kehidupan masyarakat pelbagai kaum berada dalam keadaan aman damai tanpa ada rasa tidak puas hati.

Beliau berkata, RMKe-10 kembali kepada usaha untuk menyelesaikan masalah utama negara iaitu ketidakseimbangan ekonomi.